



E-DOCUMENT



1500013348



## KENYATAAN / SIARAN AKHBAR

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:  
Bahagian Komunikasi Korporat  
Perbadanan Putrajaya  
Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8888 1008

### **“PPj PERLUAS AGENDA MASYARAKAT SEJAHTERA DI KALANGAN KOMUNITI PUTRAJAYA”**

**PUTRAJAYA, 8 Ogos 2019** – Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), YBhg Datuk Dr. Aminuddin Bin Hassim menyempurnakan perasmian Karnival Blueprint Masyarakat Sejahtera Putrajaya Dewan Sri Siantan, Kompleks PPj.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Jalinan Industri dan Masyarakat Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), YBhg Prof Dato' Dr. Imran Ho Abdullah, Naib Presiden Kanan PPj, YBhg Dato' Omairi Bin Hashim, Naib Presiden Jabatan Perkhidmatan Bandar PPj, YBhg. Datuk Azizi Haji Ahmad Termizi dan Ketua Pengarah Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, YBrs. En. Ibrahim bin Ismail.

Karnival yang dianjurkan bermula 8 hingga 9 Ogos bermula dari jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang di Dewan Persidangan Kompleks PPj bertujuan untuk mempromosikan program-program Blueprint Masyarakat Sejahtera Putrajaya 2018 – 2022 dan meningkatkan lagi kesedaran serta memupuk amalan nilai-nilai murni di kalangan masyarakat Putrajaya. Pelbagai program turut diadakan yang terdiri daripada forum, ceramah kemasyarakatan, program motivasi, pameran serta jualan kraftangan komuniti Putrajaya di sepanjang 2 hari pengajuran.

Majlis turut menyaksikan pelancaran Program Kraf Komuniti Ku Putrajaya dan penyampaian sijil penyertaan kepada 46 orang peserta yang telah berjaya melengkapkan latihan di Bengkel Pembangunan dan Pengeluaran Produk Kraf yang diadakan pada April yang lalu. Julung kali diadakan, program ini merupakan inisiatif PPj bagi memperkasakan komuniti Putrajaya yang terdiri daripada kumpulan B40, suri rumah, belia serta orang kelainan upaya (OKU) dengan kemahiran perusahaan kraf disamping membantu menjana pendapatan dan mencipta peluang pekerjaan.

Antara produk-produk kraf yang telah berjaya dihasilkan adalah produk kraf batik teknik ikat celup & shibori (pewarnaan asli dan pewarnaan naphtol), kraf jahitan beg dan soft toys serta produk kraf jahitan travel set. Produk kraf ini juga turut dipasarkan di outlet Karyaneka di Dataran Putrajaya dengan kerjasama Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia.

PPj juga turut melancarkan kempen #putrajayakampipunya bagi menyemarakkan semangat kekitaan dan cinta kepada Putrajaya di kalangan komuniti.

Blueprint Masyarakat Sejahtera Putrajaya 2018-2023 telah dilancarkan pada bulan Mei yang lalu dan telah menggariskan 6 teras utama iaitu Agama, Sosial, Pendidikan, Ekonomi, Governans dan Infrasruktur Fizikal serta 25 inisiatif tindakan pelaksanaan. Blueprint ini bertujuan untuk merealisasikan pembentukan masyarakat sejahtera di Putrajaya.

Untuk maklumat lanjut berhubung Majlis Perasmian Karnival Blueprint Masyarakat Sejahtera Putrajaya, sila hubungi Encik Mohd Fairus Bin Mohd Padzil, Pegawai Perhubungan Media, PPj di talian 03-88877347/019-3354346 atau emel [m.fairus@ppj.gov.my](mailto:m.fairus@ppj.gov.my).

**(TENGKU AINA BINTI YTM TENGKU ISMAIL SHAH)**

**Pengarah**

**Bahagian Komunikasi Korporat**

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 07 Ogos 2019